



"MERAH GANJARAN AL-QURAN DI BULAN MULIA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجْرَةً لَنْ تَبُورَ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan para hadirin sekalian, marilah kita tingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan istiqamah dalam melakukan segala yang diperintahkan-Nya, dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Semoga dengan keimanan yang teguh kita akan mendapat keredhaan Allah SWT, seterusnya menjadi hamba-Nya yang berjaya di dunia dan juga di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "MERAH GANJARAN AL-QURAN DI BULAN MULIA".</p> <p>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</p>	6
<p>Umum mengetahui bulan Ramadan merupakan bulan yang dianjurkan untuk kita memperbanyakkan amal ibadah. Allah SWT menganugerahkan pahala setiap amalan yang baik, malah melipat gandakan pahala ibadat yang dilakukan dalam bulan ini melebihi daripada bulan-bulan yang lain. Di samping melakukan amalan-amalan wajib, kita juga digalakkan untuk menambah pahala dengan melakukan amalan-amalan sunat. Sebagai contoh, melakukan solat-solat sunat terutamanya solat sunat tarawih, bersedekah, beriktikaf, menghadiri majlis-majlis ilmu dan membaca al-Quran.</p>	7

¹ Faathir : 29.



<p>Kelebihan ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibnu Abi Awfa Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">نَوْمُ الصَّائِمِ عِبَادَةٌ، وَصُمْتُهُ تَسْبِيحٌ، وَدُعَاؤُهُ مُسْتَجَابٌ، وَعَمَلُهُ مُضَاعَفٌ</p>	8
<p><i>"Tidurnya orang yang berpuasa itu adalah ibadah, diamnya adalah tasbih, doanya diterima dan amalannya dilipatgandakan pahalanya."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Baihaqi).</i></p>	9
<p>Al-Quran diturunkan sebagai rahmat buat seluruh alam. Kitab suci ini sarat dengan nasihat dan petunjuk bagi manusia untuk menjalani kehidupan di dunia dan juga di akhirat.</p>	10
<p>Di samping itu, kitab yang mulia ini diturunkan untuk dibaca sebagaimana maksud daripada firman Allah SWT yang telah dibacakan di awal khutbah ini:</p> <p><i>"Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan satu perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian".</i></p>	11
<p>Al-Quran adalah kalam Allah SWT, merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS. Ia merupakan sebuah kitab yang mulia. Diturunkan pada malam yang penuh barakah.</p>	12
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Dukhan ayat 3:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ</p> <p><i>"Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab)".</i></p>	13



<p>Membaca al-Quran merupakan suatu ibadat dalam Islam dan diberi pahala bagi para pembacanya. Mengenai hal ini sebuah hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، لَا أَقُولُ حَرْفٌ، وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ</p>	14
<p><i>"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah baginya satu kebaikan, dan kebaikan itu digandakan dengan sepuluh kebaikan sepertinya, aku tidak berkata 'Alif Lam Mim' satu huruf, tetapi 'Alif' satu huruf, 'Lam' satu huruf dan 'Mim' satu huruf".</i> (Riwayat al-Tirmizi).</p>	15
<p>Membaca al-Quran akan mendapat banyak kelebihannya. Di samping mendapat ganjaran daripada Allah SWT, pembacanya juga akan mendapat syafaat di hari Kiamat kelak. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Umamah al-Bahiliy Radhiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>اقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ</p> <p><i>"Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan memberi syafaat kepada pembacanya".</i> (Riwayat Muslim)</p>	16
<p>Hadis daripada Abdullah bin Amru Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ</p> <p><i>"Amalan puasa dan membaca Al-Qur'an akan memberi syafaat bagi seorang hamba di hari kiamat."</i> (Riwayat Ahmad).</p>	17



<p>Muslimin yang berbahagia,</p> <p>Oleh itu, bersempena dengan peluang dan kesempatan yang dikurniakan kepada kita di bulan yang mulia ini, marilah sama-sama kita menambah bekalan pahala kita dengan amalan seperti berikut. Antaranya: memperbanyakkan membaca al-Quran.</p> <p>Imam al-Nawawi pernah berkata, adalah menjadi satu sunnah dengan menumpukan kepada pembacaan al-Quran di bulan Ramadan. Lebih-lebih lagi pada sepuluh hari terakhir khususnya pada malam-malam yang bilangannya ganjil.</p> <p>Tingkatkan kadar pembacaan al-Quran kita melebihi pembacaan dalam bulan-bulan yang lain. Jikalau sebelum ini sebahagian kita hanya mampu untuk mengkhataamkan al-Quran sekali dalam masa enam bulan atau setahun, maka di bulan yang mulia ini marilah kita bersama-sama tanamkan tekad untuk mengkhatamkannya sekali dalam masa sebulan. Menjadi satu kelebihan bagi sesiapa yang dapat mengkhatamkannya dua atau tiga kali dalam bulan Ramadan yang mulia ini. Gantilah aktiviti masa lapang kita dengan membaca al-Quran berbanding dengan melayari internet, <i>facebook</i>, dan sebagainya. Moga dengan meningkatnya kadar pembacaan al-Quran, kita akan diberi ganjaran yang berlipat kali ganda oleh Allah SWT.</p>	18
<p>Bagi mengimarahkan bulan yang mulia ini, kebanyakan masjid bersungguh-sungguh menganjurkan pelbagai program kerohanian. Antara yang selalu diambil perhatian adalah tadarus dan tadabbur al-Quran, kiamullail, daurah kitab, iktikaf dan sebagainya.</p>	19
<p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa membaca al-Quran dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah bersemangat memperbanyakkan amalan untuk meraih segala fadhilat dan pahala di bulan Ramadan.3. Umat Islam hendaklah mentadabbur al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya kerana ia merupakan petunjuk dalam kehidupan untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.	20



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا تُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦﴾</p>	21
<p>"Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun)." (al-An'am : 160).</p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24



KHUTBAH KEDUA

<p>اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.</p>	1
<p>اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِٖ وَصَحْبِهِٗ ۚ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ، اَوْصِيكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.</p>	2
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>اِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا.</p>	4
<p>اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ وَاَرْضِ اللّٰهُمَّ عَنْ اَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَاَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ اَجْمَعِيْنَ.</p>	5
<p>اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ. وَاَنْصُرْنَا عَلٰى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.</p>	6
<p>اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى اَنْتَ حَفِظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُوْر،</p>	7
<p>سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تغكو أمير شاه ابنالسُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج</p>	8



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرَ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15